

Pendidikan Islam perlu beri kefahaman kepada pelajar

Oleh **ASLINDA NASIR**
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mata pelajaran Pendidikan Islam harus dikaji semula supaya ia dapat memberi kefahaman yang jelas kepada para pelajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia penting supaya tiada mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan bercanggah dengan hujah berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan perkara itu kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam membuat ketetapan.

“Saya serahkan kepada Menteri Pendidikan Tinggi mengenai kurikulum mata pelajaran peradaban Islam melihat kepada cadangan daripada sarjana-sarjana utama termasuk untuk dikaji semula supaya betul-betul memberi kefahaman lebih mendalam dengan mesej Islam, tentunya soal nilai, akhlak, kemanusiaan, universal jadi ini dirasakan ia perlu diberi perhatian.

“Buku ini sepatutnya menjadi autoriti merujuk kepada al-Quran, hadis, ulasan pemikir. Ini semua orang dalam tazkirah



ANWAR Ibrahim melancarkan Buku Himpunan Esei *Knowledge, Tradition and Civilization: Essays in Honour of Professor Osman Bakar* di ISTAC-IIUM, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Osman Bakar (kanan) dan Mohamed Khaled Nordin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

buat fatwa masing-masing. Bila tegur kata anti ulama. Tapi guru agama itu buat kenyataan salah, itu mesti ditegur,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Buku Himpunan Esei *Knowledge, Tradition and Civilization: Essays in Honour of Professor Osman Bakar* di Universiti Islam Antarabangsa,

Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, perkara asas dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dilihat mampu mengubah kefahaman umat Islam supaya tidak mudah percaya dengan sebarang hujah oleh mana-mana pihak meskipun tokoh parti politik mahupun para ulama yang ada.

“Kerana dia tokoh parti, ulama, semua kenyataan dia benar? Islam tidak pernah ajar begitu.

“Sebab itu Pendidikan Islam ini harus memberi kefahaman lebih mendalam, kupasan mesti dihujah dan jika perlu teguran, pembetulan ini dikatakan tradisi ilmu pelajaran secara kritis,” katanya.